

# Pelayar Perancis ceroboh perairan negara ditahan

ms: 12 HARIAN METRO 28/8/2022

**Mersing:** Tindakan seorang pelayar warga Perancis yang gagal melaporkan ketibaannya di perairan negara ini membawa padah apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) tengah hari kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Khairul Nizam Misran berkata, lelaki berusia 44 tahun itu didapati memasuki negara ini secara haram di perairan Sungai Mersing sekitar jam 12.45 tengah hari.

Katanya, suspek mendakwa sudah bersauh selama tiga hari di lokasi kejadian dan dari Krabi Thailand menuju ke Pulau Tioman, Pahang.

“Lelaki berkenaan ditahan ketika bersauh dalam rondaan OP JAKSA di kedudukan lebih kurang 1.6 batu nautika timur dari muara Sungai Mersing dan semakan ke atas do-


kumen perjalanannya mendapati tiada cop kemasukan ke negara ini.

“Pemeriksaan mendapati ini kali pertama suspek ditahan atas kesalahan gagal melaporkan ketibaan memasuki perairan Malaysia,” katanya.

Lelaki berkenaan bersama perahu layar seterusnya ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Imigresen 1952 kerana tidak ada cop kemasukan ke negara Malaysia yang sah.

Katanya, lelaki itu turut disiasat mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 kerana tidak melaporkan ketibaan memasuki perairan Malaysia kepada Pengarah Jabatan Laut Malaysia.

“Maritim Malaysia Negeri Johor akan mempergiatkan penguatkuasaan di laut bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan perairan Johor terpelihara,” katanya.



**PELAYAR** warga Perancis ditahan selepas memasuki perairan negara ini.